

KERAJAAN MALAYSIA

JABATAN KERJA RAYA

SURAT SETUJUTERIMA
(LETTER OF ACCEPTANCE)




Ruj: (9) dlm. JKR:UB.123/KA.05/296
Jilid 4 Sulit

Pejabat Ketua Pengarah
Kerja Raya
Ibu Pejabat JKR Malaysia
Jalan Sultan Salahuddin
50582 Kuala Lumpur

Tarikh: 25 Mei, 1999.

MTD Construction Sdn. Bhd.
Lot 8359, Mukim Batu, Batu 8
Jalan Batu Caves
68100 Batu Caves
Selangor Darul Ehsan



Tuan,

Projek: **Membina & Menyiapkan Jambatan Dan Jalan
Di Jalan Pantai, Bandar Melaka**

Merujuk kepada rundingan yang telah diadakan di antara Jabatan ini dengan pihak tuan pada 16hb. Mac, 1999 di Ibu Pejabat JKR Malaysia Kuala Lumpur serta kelulusan dari Kementerian Kewangan ruj. S/K.KEW/PK/K7/590 JD13 (3) bertarikh 12hb. Mei, 1999 sukacita dimaklumkan bahawa tawaran tuan bagi Kerja-kerja tersebut di atas telah disetujuterima dengan harga Ringgit Malaysia: **Lima Puluh Empat Juta Lima Ratus Ribu Sahaja RM54,500,000.00**, tertakluk kepada had, terma, syarat dan janji dalam Dokumen Tender dan juga yang terkandung dalam surat ini

2. Persetujuan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

a) **Harga Kontrak**

Harga Kontrak untuk projek ini adalah harga pukal (*Lump Sum*) kecuali beberapa item yang diperuntukkan sebagai Wang Peruntukan Sementara dan Kuantiti Sementara dimana item-item ini akan diselaraskan mengikut Syarat-syarat Kontrak.

b) **Peruntukan Khas Syarat-Syarat Perubahan Harga**

Kontrak ini **tidak** tertakluk kepada Peruntukan Khas Syarat-syarat Perubahan Harga.

c) **Kadar Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan**

Kadar Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan bagi kontrak ini adalah RM10,823.70 sehari.

d) **Jaminan Rekabentuk**

Jaminan Rekabentuk dalam bentuk Gerenti Bank atau Gerenti Korporat perlu dikemukakan kepada Kerajaan. Kontraktor adalah bertanggungjawab mengemukakan gerenti sebanyak RM2,385,000.00 dalam tempoh lima (5) tahun enam (6) bulan selepas Perakuan Siap Kerja dikeluarkan.

e) **Penyenggaraan**

Kerja penyenggaraan selama dua (2) tahun selepas tarikh siap praktik kerja hendaklah ditanggung oleh Kontraktor.

f) **Kelengkapan Dokumen**

Pihak tuan juga bertanggungjawab terhadap kelengkapan rekabentuk dan juga pematuhan terhadap keperluan-keperluan di dalam dokumen tawaran.

Sekiranya didapati rekabentuk yang dikemukakan perlu dipinda disebabkan oleh keadaan, keperluan di tapak pembinaan, pembedahan disebabkan percanggahan dalam Dokumen Kontrak atau apa-apa jua sebab lain yang dikehendaki oleh Kontraktor sendiri, semua kerja-kerja rekabentuk semula dan juga kerja-kerja pembinaan yang dikaji semula dan pembedahan akibat percanggahan mestilah disiapkan tanpa sebarang kos tambahan kepada Kerajaan. Walau bagaimanapun sekiranya di dapati perubahan tersebut menyebabkan penjimatan kos, faedah ini hendaklah berakru kepada Kerajaan dan Kerajaan berhak meminda Harga Kontrak mengikut peruntukan-peruntukan yang terdapat dalam Dokumen Kontrak.

g) **Syarat-syarat Kontrak**

Syarat Kontrak yang akan digunakan bagi projek ini adalah Syarat Kontrak 'Turnkey'.

h) **Bahan-bahan Atau Jentera-jentera yang Diimpot**

Penggunaan bahan-bahan atau jentera-jentera yang diimpot dari luar negara adalah tidak dibenarkan. Sekiranya penggunaan bahan-bahan atau jentera-jentera dari luar negara diperlukan, Kontraktor hendaklah mendapatkan kelulusan daripada Pengarah Projek (*Project Director*).

3. Tuan dikehendaki melaksanakan Perjanjian Kontrak yang formal dan akan diberitahu bila Dokumen Kontrak ini didapati teratur dan siap untuk ditandatangani oleh tuan . Bagaimanapun, sehingga Perjanjian Kontrak yang formal tersebut dilaksanakan, Surat Setujuterima ini akan menjadi kontrak mengikat yang sah di antara tuan dan Kerajaan.
4. Pengarah Projek ialah **Pengarah Kerja Raya Negeri Melaka**.
5. Tarikh Milik Tapakbina, seperti yang disebut dalam Syarat-syarat Kontrak, ialah pada 16.6.1999 tetapi tiada apa-apa kerja di bawah Kontrak ini boleh dimulakan kecuali dan sehingga tuan mematuhi peruntukan-peruntukan di bawah perenggan7 surat ini. Berdasarkan kepada Tempoh Siap Kerja yang ditawarkan selama **dua puluh empat (24) bulan**, Tarikh Siap untuk keseluruhan Kerja-kerja di bawah Kontrak ini ialah 15.6.2001
6. *Tuan dikehendaki menyatakan pilihan kaedah Bon Perlaksanaan sama ada:-
 - (i) Jaminan Bank.
 - (ii) Jaminan Insurans (bagi kontrak kerja yang bernilai RM1.0 juta ke bawah sahaja).
 - (iii) Wang Jaminan Pelaksanaan yang dikenakan potongan sebanyak sepuluh peratus (10%) daripada setiap bayaran interim sehingga mencapai jumlah lima peratus (5%) harga kontrak asal.
7. Sebelum memulakan kerja-kerja, tuan adalah dikehendaki menyerahkan kepada Kerajaan atau Pengarah Projek, perkara-perkara berikut:-
 - a) Bon Perlaksanaan sebanyak **RM2,725,000.00** (merupakan 5% daripada Harga Kontrak Asal) secara Jaminan Bank atau Jaminan Insurans yang diluluskan (*bagi Kontraktor yang memilih kaedah Jaminan Bank atau Jaminan Insurans sahaja*).
 - b) Polisi Insurans untuk Kerja yang meliputi kesemua perkara yang dinyatakan dalam Syarat-syarat Kontrak mengikut nilai Harga Kontrak.

- c) Polisi Insurans Tanggungan Awam (iaitu insurans terhadap bencana kepada orang-orang dan kerosakan kepada harta) dengan nilai insurans tidak kurang daripada **RM1,000,000.00**.
- d) Nombor-nombor pendaftaran di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerja (PERKESO) dan/atau:
- e) Polisi Insurans Pampasan Pekerja berjumlah tidak kurang daripada **RM5,450,000.00** (merupakan anggaran jumlah pendapatan daripada pekerja-pekerja Kontraktor yang tidak termasuk di bawah Skim PERKESO).

Dengan syarat bahawa bagi memulakan Kerja-kerja dan bukan maksud lain, tuan boleh menyerahkan Bon Perlaksanaan (*bagi Kontraktor yang memilih kaedah Jaminan Bank atau Jaminan Insurans sahaja*) dan Nota Liputan bagi maksud polisi-polisi insurans tersebut dan resit-resit premium yang telah dibayar itu kepada Pengarah Projek.


8. Bagaimanapun tuan dikehendakki menyerahkan Polisi Insurans untuk Kerja-kerja dan semua polisi-polisi insurans yang lain yang berkenaan (jika belum diserahkan) menurut perenggan di 7 di atas, sebelum melaksanakan Perjanjian Kontrak yang formal.

9. Tuan akan dikehendakki mengemukakan Jadual Perlaksanaan Kerja dan Jadual Pembayaran. Kedua-dua jadual ini akan diselaras dan dipersetujui terlebih dahulu oleh Kerajaan sebelum melaksanakan Perjanjian Kontrak yang formal.

10. Surat ini dihantar kepada tuan dalam dua (2) salinan. Sila kembalikan salinan Asal yang telah ditandatangani oleh tuan dan disaksikan dengan sempurna di ruang yang berkenaan ke pejabat ini dan simpan salinannya.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(TAN SRI IR. HJ. OMAR BIN IBRAHIM)

Ketua Pengarah Kerja Raya Malaysia
Untuk dan bagi pihak **Kerajaan**

Rujukan Tuan: ()dlm.JKR:UB 123/KA.05/296 Jilid 4 Sulit

Ketua Pengarah Kerja Raya
Ibu Pejabat JKR
Jalan Sultan Salahuddin
50582 Kuala Lumpur

**Projek: Membina Dan Menyiapkan Jambatan Dan Jalan
Di Jalan Pantai, Bandar Melaka**

Dengan ini yang bertandatangan di bawah ini mengaku penerimaan Surat Setujuterima di atas dan mengesahkan persetujuan kami kepada semua had, syarat-syarat dan stipulasi yang terkandung di dalamnya. Seperti yang dikehendaki, salinan asal Surat Setujuterima yang telah ditandatangani, bertarikh dan disaksikan, dengan ini dikembalikan kepada tuan dan satu salinannya telah disimpan oleh kami.



(Tandatangan Kontraktor)

MOHD FAUZI AB. HAMID

Nama Penuh:

4374800

No. K/P:

EXECUTIVE DIRECTOR

Atas sifat:

Yang diberikuasa dengan
sempurnanya untuk menandatangani
untuk dan bagi pihak:



.....
Meteri atau Cop Kontraktor

8 - 6 - 1999

Tarikh:



(Tandatangan Saksi)

FAUDZILAH RAZALI

Nama Penuh:

660912 - 11 - 5075

No.K/P:

CONTRACTS MANAGER

Pekerjaan:

Alamat:
MTD CONSTRUCTION SDN BHD
Lot 8359, Mukim of Batu, Batu 8,
Jalan Batu Caves, 68100 Batu Caves,
Selangor Darul Ehsan.
Tel: 03-6899022
Fax: 03-6874800, 6899024
.....

8 - 6 - 1999

Tarikh:

s.k. Ketua Setiausaha
Kementerian Kewangan Malaysia
Perbendaharaan Malaysia, Tingkat 4, Blok 9
Karung Berkunci No. 11044
Jalan Duta
50592 Kuala Lumpur
(u/p: Bahagian Pengurusan Perolehan Kerajaan)

“ Ketua Setiausaha
Kementerian Kerja Raya Malaysia
Jalan Sultan Salahuddin
50580 Kuala Lumpur
(u/p: Bahagian Pembangunan dan Pelaksanaan)

“ Pengarah Cawangan Kontrak & Ukur Bahan
Ibu Pejabat JKR
50582 Kuala Lumpur
(u/p: Unit Kejuruteraan Awam)

“ Pengarah Cawangan Jalan
Ibu Pejabat JKR
50582 Kuala Lumpur
(U/P: Unit Rekabentuk Jalan, Zon Selatan
Unit Ukur Bahan)
PPK ZON SELATAN (PROJEK)
PPK PEMBANGUNAN

“ Pengarah JKR
Negeri Melaka

“ Ketua Akauntan Perbendaharaan
Kementerian Kerja Raya
Jalan Sultan Salahuddin
50580 Kuala Lumpur

“ Pengarah
Pusat Khidmat Kontraktor
Kementerian Pembangunan Usahawan
Tingkat 15 & 16, Bangunan Medan Mara
Jalan Raja Laut
50350 Kuala Lumpur

- s.k. Ketua Pengarah
Lembaga Hasil Dalam Negeri
Blok 11, Tingkat 15,
Kompleks Bangunan Kerajaan
Jalan Duta
50600 Kuala Lumpur
(u/p: Pengurus Komputer)
- “ Cawangan Pembangunan Usahawan
Kementerian Kerja Raya
Jalan Sultan Salahuddin
50580 Kuala Lumpur
- “ Ketua Eksekutif
Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia
Putra World Trade Centre
Level 19 & 20, 45 Jalan Tun Ismail
50460 Kuala Lumpur
- “ Pengarah Perancangan
Ibu Pejabat JKR
50582 Kuala Lumpur
- “ Penolong Pengarah Kanan
Pusat Komputer
Tingkat 16, Ibu Pejabat JKR
50582 Kuala Lumpur
- “ Pengarah Negeri
Jabatan Buruh
Negeri Melaka